



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 18 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	ORPHANS, DISABLED RECEIVE RAMADAN GIFTS	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/orphans-disabled-receive-ramadan-gifts/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SELANGOR MAHU JADI NEGERI SELAMAT BAGI KANAK-KANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/654983/edisi/selangor-kl/selangor-mahu-jadi-negeri-selamat-bagi-kanak-kanak#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/17/selangor-negeri-selamat-didiami-semua-amirudin/	KOSMO.COM.MY
	https://www.suarakeadilan.my/post/selangor-tekad-jadi-negeri-selamat-dihuni-kanak-kanak	SUARAKEADILAN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	13 PENGEMIS RAMADAN DITAHAN DI KUANTAN	
	https://www.buletintv3.my/nasional/13-pengemis-ramadan-ditahan-di-kuantan1/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DI MASJID BANTU IBU BAPA TENANG BERTARAWIH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pusat-jagaan-kanakkanak-di-masjid-bantu-ibu-bapa-tenang-bertarawih-462302	ASTROAWANI.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KELAR BAYI: IBU DIREMAN 7 HARI	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1224619/kelar-bayi-ibu-direman-7-hari	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/wanita-ditahan-disyaki-kelar-bayi-kandung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/699650	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071019/kelar-bayi-ibu-direman-7-hari	HMETRO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071109/polis-sahkan-punca-kematian-bayi-jenazah-sudah-dituntut-keluarga	HMETRO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070951/ibu-kelar-bayi-berubah-pendiam-sebelum-kejadian	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/17/kelar-bayi-ibu-berubah-sikap-jadi-pendiam/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1224416/kelar-leher-bayi-hantar-gambar-mangsa-berlumuran-darah-kepada-suami	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=wOGbCmzyTFw	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=JyN2IGzonF8	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=i3HII_dTX8k	YOUTUBE
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/03/1070985/duduk-bersila-dan-terdiam-selepas-kelar-anak	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/17/kelar-bayi-ibu-mohd-uwais-ada-rekod-sakit-mental/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/03/17/bayi-maut-dikelar-ibu-di-pasir-gudang/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bayi-maut-dikelar-ibu-di-pasir-gudang-x8uo5fk	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/655046/berita/semasa/polis-sahkan-kematian-bayi-akibat-luka-dikelar-di-bahagian-leher	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lepas-kelar-anak-isteri-kirim-gambar-kepada-suami-melalui-whatsapp-462672	ASTROAWANI.COM
	https://thesun.my/cerita/bayi-maut-dikelar-ibu-di-pasir-gudang-HD12225277	THESUN.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

18/3/2024

<https://www.buletintv3.my/nasional/kelar-bayi-ibu-jadi-pendiam-sebelum-kejadian-ahli-keluarga2/>

BULETINTV3.MY

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/17/polis-tahan-wanita-hantar-gambar-mayat-bayi-berlumuran-darah-kepada-suami/>

FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PEMEGANG KAD OKU DIBERKAS KERANA CUBA LARIKAN BUDAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/17/pemegang-kad-oku-diberkas-kerana-cuba-larikan-budak	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/03/17/lelaki-oku-didakwa-cuba-culik-kanak-kanak-perempuan/	TVSARAWAK.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/655051/berita/semasa/polis-tahan-lelaki-oku-cuba-culik-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LELAKI DIDENDA RM3,000 MENGAKU SALAH CABUL JEMAAH WANITA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070965/lelaki-didenda-rm3000-mengaku-salah-cabul-jemaah-wanita	HMETRO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/17/cabul-wanita-dalam-surau-lelaki-didenda-rm3000/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=6a-MhaA2IFc	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=jOxOyTfwOVY	YOUTUBE
	https://malaysiapost.com.my/2024/03/17/cabul-wanita-dalam-surau-lelaki-didenda-rm3000/	MALAYSIAPOST.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=Wlrbn-wDaWE	YOUTUBE



@ James Wong Sarawak News, Top Story 17 March 2024 2 mins ago

Orphans, disabled receive Ramadan gifts



Nancy (second left) with one of the recipients.

LUNDU: A total of 50 orphans and persons with disabilities (PwDs) in the Tanjung Datu area received donations in the form of clothes in conjunction with Ramadan.

Minister of Women, Family and Community Development (KPWKM) who is also Santubong MP Datuk Seri Nancy Shukri said the contribution is aimed at easing the financial strain on parents and caregivers during this festive season.

"Although it is still early, parents have high commitments in terms of Hari Raya expenses.


"Therefore, we are looking for ways to assist, and Alhamdulillah, we are able to assist 50 recipients today," she said at the Ramadan Love Programme with Orphans and PwDs at a supermarket here on Sunday (Mar 17).

This initiative, a collaborative effort between the National Welfare Foundation (YKN) and Alliance Islamic Bank, is now in its second year.

Earlier, Nancy also distributed food baskets to 80 recipients comprising senior citizens, single mothers, and PwDs in the Tanjung Datu area.

Additionally, she also accompanied the orphans in selecting their clothes for the upcoming Hari Raya Aidilfitri celebrations.

Also present were YKN CEO Nordina Haron and Alliance Islamic Bank representative Maggie Tay.



Selangor mahu jadi negeri selamat bagi kanak-kanak

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

17 Mac 2024 11:00am Masa membaca: 4 minit



Amirudin (kanan) turut memuat naik gambar bersama Fadhlina, Azlina dan Wan Azizah ketika Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Shah Alam.

SHAH ALAM - Selangor berhasrat untuk menjadi sebuah negeri selamat yang didiami semua terutama bagi kanak-kanak, kata Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

Beliau sehubungan itu berkata, semua pihak harus berikhtiar dan berusaha agar mengatasi ancaman terhadap anak-anak terutama di era digital ini.

"Tidak kira di mana ancaman ini berlaku, di sekolah, di rumah, mahu pun di luar, semua pihak yang mempunyai maklumat sebarang insiden gangguan atau eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak harus melaporkan segera kepada penguat kuasa.

"Kelakuan negatif ini tidak harus dipandang remeh kerana ia berpotensi memberi kesan buruk kepada psikososial dan emosi kanak-kanak yang sudah pasti akan memberi kesan serta trauma jangka panjang yang sukar dipulihkan," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebooknya pada Ahad.

Pada Sabtu, Menteri Besar menghadiri Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said di Dewan Jubli Perak di sini.

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail.



Amirudin Shari

Dalam pada itu, menurut Amirudin, kerajaan turut memainkan peranan penting bagi meyakinkan masyarakat bahawa keselamatan semua, terutamanya kanak-kanak dan wanita serta usaha membanteras eksploitasi dan keganasan berunsur seksual.


"Saya yakin Selangor akan mengorak langkah dalam usaha ini dan ia dapat dibuktikan melalui pelaksanaan Konvensyen Kebangsaan Perlindungan Murid di Shah Alam," ujarnya

Beliau berkata, kerjasama kerajaan negeri dan Persekutuan, terutamanya Kementerian Pendidikan dan Bahagian Undang-Undang dan Reformasi Institusi di Jabatan Perdana Menteri amat penting untuk mengukuhkan hasrat itu.

"Saya berterima kasih kepada Datuk Seri Azalina Othmad Said, Menteri Hal Ehwal Undang-undang dan Reformasi Institusi dan Yang Berhormat Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan atas komitmen ini.

"Penghargaan khas buat Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak yang berkongsi pendapat dan inisiatif yang harus disegerakan berkait pengalaman beliau selaku Timbalan Perdana Menteri wanita pertama yang turut memegang tanggungjawab sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat.

"Semoga usaha ini dapat membuahkan hasil, insya-ALLAH," ujarnya.



13 pengemis Ramadan ditahan di Kuantan

🕒 17 Mac 2024, 2:35pm



Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang menahan dua kanak-kanak warga asing kerana mengemis di bazar Ramadan. FOTO: NSTP

KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang menahan 13 pengemis warga tempatan dan asing dalam operasi pengemis secara berjadual di dua bazar Ramadan di daerah ini, semalam.

Mereka membabitkan enam warga Rohingya yang merupakan pemegang kad Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan tujuh pengemis warga tempatan.

Pemangku Pengarah JKM Pahang, Suryani Mohamad berkata operasi dilakukan di pekarangan bank dan pasar raya terkemuka di daerah ini.

Menurutnya, mereka ditahan mengikut Seksyen 2 Akta Orang Papa ketika meminta sedekah di tempat tumpuan awam.

Katanya, operasi pengemis akan dilakukan secara berterusan bagi memastikan kegiatan mengemis tidak berleluasa di Pahang terutama di kawasan tumpuan awam sepanjang Ramadan kali ini.

Beliau berkata pengemis warga asing yang ditahan menggunakan dua kanak-kanak dan seorang bayi bagi menagih simpati masyarakat untuk menderma dan terdapat di kalangan mereka sebelum ini pernah ditahan kerana mengemis.

Suryani berkata operasi yang turut disertai pegawai Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuantan dan polis turut menahan tiga wanita dan empat lelaki dewasa warga tempatan dan asing.

Tambahnya lagi, rekod jabatan mendapati jumlah pengemis tempatan dan asing di negeri ini akan bertambah setiap kali Ramadan.

Siasatan mendapati aktiviti meminta sedekah mampu meraih pendapatan lumayan menjadi faktor utama mereka lebih aktif.



Pusat jagaan kanak-kanak di masjid bantu ibu bapa tenang bertarawih

Sinar Harian
Mac 17, 2024 17:00 MYT



Kemudahan itu beroperasi bermula 11 Mac lalu sehingga 7 April depan yang dibuka setiap hari bermula jam 8 hingga 10 malam. - Gambar/ Sinar Harian

KUALA LUMPUR: Penyediaan khidmat jagaan kanak-kanak di bawah Program Tarbiyatul Aulad di Masjid Wilayah Persekutuan membolehkan ibu bapa menunaikan solat tarawih dengan tenang tanpa risau akan keselamatan anak-anak.

Kemudahan itu beroperasi bermula 11 Mac lalu sehingga 7 April depan yang dibuka setiap hari bermula jam 8 hingga 10 malam.

Menerusi kemudahan itu, ibu bapa hanya perlu memastikan anak-anak dihantar dalam keadaan bersih dan sihat serta disediakan bekalan keperluan seperti lampin pakai buang, susu, air serta makanan ringan.

Hanya RM10 dikenakan caj kepada ibu bapa yang gagal mengambil anak-anak mereka tepat jam 10 malam.

Menjengah di tempat jagaan kanak-kanak itu, antara tarikan disediakan adalah tempat permainan selain meja bagi membolehkan petugas mengadakan aktiviti bersama anak-anak jagaan.

Turut ditawarkan beberapa reruai menjual alat permainan dan makanan ringan sebagai pilihan anak-anak membeli makanan sementara menunggu ibu bapa mereka menunaikan solat.

Sementara itu, rata-rata pengguna memuji inisiatif disediakan masjid berkenaan yang berharap kemudahan tersebut turut diperluaskan ke masjid lain.

Malah ada di antaranya berminat untuk menjadi sukarelawan.



Antara tarikan disediakan adalah tempat permainan selain meja bagi membolehkan petugas mengadakan aktiviti bersama anak-anak jagaan.

Seorang pekerja swasta, Siti Baizura Mohd Shafiee, 37, berkata, kemudahan itu memberi peluang kepada ibu bapa yang mempunyai anak kecil untuk fokus menunaikan solat tarawih.


"Kadangkala apabila ada anak kecil, keinginan untuk solat tarawih secara berjemaah di masjid terpaksa dilupakan seketika kerana isu penjagaan selain bimbang anak-anak akan membuat bisung hingga mengganggu jemaah lain.

"Dengan adanya kemudahan ini, ia sangat membantu selain dapat mendidik anak-anak mendekati masjid sejak kecil," katanya.

Seorang lagi orang awam, Mohd Hizami Mohd Hanip, 40 berkata, program tersebut sangat baik untuk dilaksanakan dan mencadangkan diperluaskan ke masjid lain.

"Mungkin kerajaan, syarikat korporat atau NGO boleh bekerjasama dengan masjid untuk memperbanyak lagi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti ini pada Ramadan.

"Ini kerana kebanyakan NGO dan syarikat korporat banyak tertumpu kepada majlis buka puasa dan sumbangan Aidilfitri jadi mungkin boleh dipelbagaikan CSR dalam bentuk ini pula," katanya. - Sinar Harian



TAJUK : PERKESO SOKONG PENYERTAAN AKTIF WANITA BERKERJAYA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 07

ZONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hari Wanita Antarabangsa: Melangkah ke Hadapan Bersama

PERKESO sokong penyertaan aktif wanita berkerjaya

Sedia pelbagai insentif bela nasib, pastikan kemahiran wanita terus dimanfaatkan

Dalam kita meraikan Hari Wanita Sedunia, ia detik terbaik untuk mencerminkan tahap kemajuan Malaysia terhadap daya tahan dan pertumbuhan ekonomi, yang dipacu secara ketara melalui penyertaan aktif wanita.

Dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkadar empat hingga lima peratus menjelang akhir 2024, Malaysia kini memberi tumpuan ke arah mewujudkan lebih banyak pekerjaan yang menyediakan gaji sara hidup selari produktiviti dan menawarkan perlindungan sosial mencukupi untuk melonjak taraf hidup rakyat.

Matlamatnya adalah dengan memudahkan capaian peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat Malaysia dan mengekalkan kerjaya mereka.

Namun, apabila menyentuh isu tenaga kerja, terdapat jurang antara wanita dan lelaki berkaitan peluang pendapatan.

Menurut Bank Dunia, wanita kurang terlibat dalam tenaga kerja apabila hanya separuh daripada mereka yang berpotensi untuk bekerja berada dalam tenaga kerja, berbanding lelaki sebanyak 80 peratus.

Di Malaysia, angka ini dila-

porkan sedikit tinggi pada paras 55.5 peratus, namun agak ketinggalan berbanding negara ASEAN lain termasuk Laos, Singapura, Vietnam dan Kemboja.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar wanita di Malaysia tercicir daripada meraih peluang pekerjaan formal yang menawarkan gaji yang lebih baik dan jaminan perlindungan sosial.

Wujudkan skim SKSSR

Menyedari hakikat bahawa ramai wanita berada di luar pasaran buruh, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mewujudkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) bagi menangani jurang perlindungan bagi individu dalam ekonomi penjaagaan.

Bagaimanapun, demi mengekalkan momentum ekonomi, terutama ketika berdepan perubahan demografi seperti penurunan kadar kelahiran dan penuaan penduduk, negara perlu memanfaatkan potensi penuh tenaga kerja sedia ada.

McKinsey & Co melaporkan, usaha merintis keseksamaan wanita boleh menyumbang kepada peningkatan keseluruhan KDNK Malaysia sebanyak AS\$50 billion setahun menjelang 2025 iaitu lonjakan lapan peratus berbanding KDNK pada kadar biasa (*business-as-usual* GDP).

Berikutan peluang ketara ini, rangka kerja Malaysia MADANI menasarkankan peningkatan penyertaan tenaga kerja wanita kepada tahap 60 peratus, sebagai mengiktiraf bakat yang belum diteroi wanita.

Dalam menjayakan matlamat

ini, kekangan yang membelenggu pembabitn wanita dalam tenaga kerja mesti ditangani, terutama dengan menyokong usaha wanita mengimbangi antara peranan profesional mereka dan tanggungjawab terhadap keluarga serta menyediakan khidmat penjaagaan.

Dana Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) menggariskan faedah cuti bersalin berbayar dan penjaagaan kanak-kanak berkualiti tinggi adalah pelaburan utama untuk membantu wanita kekal dalam tenaga kerja.

Dalam kerangka ini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah memperluas cuti bersalin dan cuti isteri bersalin (paterntiti) di bawah Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022), untuk mempromosikan keperluan menggalang tanggungjawab keluarga secara bersama dalam kalangan pasangan yang baru menimang cahaya mata. Namun, masih banyak usaha yang perlu dilakukan.

Ketika ini, liabiliti kewangan faedah bersalin dan cuti menjaga anak hanya ditanggung oleh majikan.

Kos ini dipindahkan secara langsung kepada wanita apabila mereka berdepan kesukaran untuk memasuki pasaran buruh.

Memandangkan wanita lebih cenderung menggalang peranan penjaagaan, pelanjutan tempoh faedah bersalin dan pengambilan cuti menjaga anak secara kerap sering dilihat sebagai kos tambahan untuk majikan, sekali gus memaksa kebanyakan wanita untuk berundur daripada sektor tenaga kerja.



Dr Mohammed Azman Aziz.

Walauapun dasar kekeluargaan ini baik, percaturan ini mungkin merencatkan pengambilan kerja dalam kalangan wanita, terutama untuk perusahaan kecil sederhana (PKS) kerana melihat ia sebagai kos tambahan operasi. Kebimbangan ini jelas kelihatan menerusi statistik buruh negara yang menyaksikan golongan wanita berusia boleh melahirkan zuriat, kurang mengambil bahagian dalam tenaga kerja.

Untuk merungkai masalah ini, PERKESO meneroka penyelesaian alternatif seperti merencana faedah tunai bersalin dan cuti menjaga anak ke dalam model insurans sosial PERKESO.

Usaha ini bagi mengurangkan beban kewangan majikan dan pekerja dalam berdepan perihai berkaitan melahirkan zuriat.

Prinsip pelaksanaannya adalah dengan mengagihkan kos yang terpaksa ditanggung apabila mendapat zuriat dalam kalangan pencarum PERKESO yang aktif dalam pasaran buruh.

Kemudahan lebih mapan

Dasar yang dicadangkan ini juga diumumkan oleh Kerajaan di bawah Belanjawan 2023. Malah, pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) 2017 sedang dalam semakan oleh KESUMA untuk mewujudkan faedah cuti bersalin yang mapan, selari amalan diterapkan kebanyakan negara Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Vietnam contohnya, memberi tumpuan terhadap keseksamaan jantina sejak Dasar Pembaharuan Ekonomi Doi Moi pada 1986, sekali gus melayakkan golongan wanita di negara tersebut mendapat manfaat enam bulan cuti bersalin dengan gaji penuh menerusi Undang-Undang Insurans Sosial.

Berikutan keutuhan aspek undang-undang dalam penjaagaan kanak-kanak dan bersalin, Vietnam kini mempunyai kadar tertinggi penyertaan buruh wanita di rantau ini, setanding negara lebih maju.

Selari misi kerajaan untuk mengukuhkan SIP dengan mengalih tumpuan daripada melin-

dungi kerjaya kepada melindungi pekerja, kini masa yang tepat untuk meningkatkan faedah bersalin dan cuti berbayar bagi menjaga anak untuk menggalakkan lebih ramai wanita menyertai tenaga kerja.

Pembaharuan ini hanyalah permulaan, yang membawa kepada langkah-langkah lebih taktikal seperti latihan dan perkhidmatan pekerjaan. Kemudian disesuaikan untuk menjamin kelancaran peralihan bagi wanita dalam tempoh berhenti sementara daripada pekerjaan kerana cuti bersalin serta meningkatkan pengambilan cuti berbayar bagi menjaga anak untuk menyokong waktu keemasan dalam penjaagaan zuriat.

Malah, ini juga boleh menjadi permulaan untuk menangani pelbagai faktor yang diidap golongan wanita rentan dalam konteks lebih luas.

Ia antara lain meliputi pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi golongan wanita daripada latar belakang berbeza seperti wanita orang kurang upaya (OKU), bekas banduan, dan wanita di usia emas.

Pelaksanaan program pasaran buruh ad-hoc sedia ada di bawah program PERKESO Daya Kerjaya juga sedang giat dilaksana untuk menasarkankan sokongan kepada kumpulan terpinggir ini, bagi memudahkan pembabitn mereka dalam tenaga kerja dengan jayanya.

Sempena Hari Wanita Sedunia pada bulan Mac, sudah tiba masanya untuk kita komited memajukan dasar dan amalan yang bukan sahaja membolehkan wanita untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam tenaga kerja, tetapi juga mengukuhkan struktur ekonomi dan sosial Malaysia secara keseluruhan.

Sebagaimana Mantan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Christine Lagarde, dalam bait katanya pernah menyebut: "Apabila wanita buat lebih baik, ekonomi bertambah sejahtera".

Dr. Mohammed Azman Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PERKESO



Pelbagai insentif disediakan bagi memanfaatkan kemahiran wanita dalam pelbagai bidang profesional. (Foto hiasan)



TAJUK : INTERNATIONAL WOMEN'S DAY: MOVING FORWARD TOGETHER

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

International Women's Day: Moving forward together

As we celebrate International Women's Day, it is a great moment to reflect on Malaysia's strides towards economic resilience and growth, significantly bolstered by the active participation of women.

With the projection of gross domestic product (GDP) growth of four to five per cent by year end, Malaysia is focusing on creating more jobs that pay productive living wages and offer adequate social protection to boost living standards.

The goal is to make it easier for Malaysians to access and keep these jobs.

Yet, when it comes to the workforce, there is an undeniable gap of income opportunities between women and men.

According to the World Bank, women are less present in the labour force, with only half of the potential female workforce participating, compared to men at 80 per cent.

In Malaysia, the figure is slightly higher at 55.5 per cent, but is trailing behind from other Asean countries including Laos, Singapore, Vietnam and Cambodia.

The comparison signals a significant portion of Malaysian women are missing out on formal employment opportunities that offer better pay and secured social protection.

Realising the fact that many women are outside of the labour market, the Social Security Organisation (Perkeso) has immediately set protection under the Housewives Social Security Scheme to address the gap in the care economy.

To maintain our economic momentum, especially in the face of demographic shifts like declining birth rate and ageing population, leveraging the full potential of our workforce is key.

McKinsey & Company reported that advancing women's equality could add Malaysia's collective GDP by US\$50 billion a year by 2025, an eight per cent increase over the business-as-usual GDP.

Following this significant opportunity, the Malaysia Madani framework aims to increase female workforce participation to 60 per cent, recognising the untapped talent among women.

In achieving this goal, women's barriers in entering the workforce must be



Realising the fact that many women are outside of the labour market, Perkeso has immediately set protection under the Housewives Social Security Scheme to address the gap of protection in the Care economy. To maintain our economic momentum, especially in the face of demographic shifts like declining birth rate and ageing population, leveraging the full potential of our workforce is key.

DR MOHAMMED AZMAN AZIZ
Perkeso Group chief executive officer



Perkeso has set protection for women under the Housewives Social Security Scheme to address the gap of protection in the Care economy.



The United Nations Population Fund outlined paid maternity leave and high-quality childcare as key investments to help women to remain in the workforce.



In Malaysia, only 55.5 per cent of the potential female workforce are participating, trailing behind other Asean countries including Laos, Singapore, Vietnam and Cambodia.

addressed, particularly in supporting women with balancing their professional roles with family and caregiving responsibilities.

The United Nations Population Fund (UNFPA) outlined paid maternity leave and high-quality childcare as key investments to help women to remain in the workforce.

The Human Resources Ministry (Kesuma) has taken steps forward by extending maternity and paternity leaves under the Employment Act 1955 (Amendment 2022) promoting shared family responsibilities by new parents. But there is more to be done.

Currently, the financial responsibility for maternity benefits and parental leave falls on employers only. These costs are transferred directly to women in the forms of higher barriers of entry to enter the labour market.

Since women are more likely to take these caring roles, the extension of maternity benefits and the frequent use of parental leaves are interpreted as additional cost for employers, pushing women out of the workforce.

While supportive, family support policies may inadvertently discourage the hiring of women, particularly for small and medium enterprises (SMEs), due to the perceived increase in operational costs. Evidently from statistics, women of childbearing age are participating less in the labour force.

To address this, Perkeso explores an alternative solution such as incorporating maternity cash benefits and parental leaves into its social insurance model to alleviate the financial burden of both employer and employees facing maternity.

The principle is the costs of childbearing are redistributed by active contributors in the labour market. The proposed policy was also announced by the government under the 2023 Budget, and the amendment of the Employment Insurance System (EIS) Act 2017 is currently under review by Kesuma to establish sustainable maternity benefits, which is practiced by many of the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) countries.

For example, in our neighbouring

country, Vietnam's focus on gender equality, starting with the Doi Moi economic reforms in 1986, has led to female benefitting from the Social Insurance Law, which has now progressed to six months of leave at full pay.

Thanks to its strong laws on childcare and maternity, Vietnam now has the highest rate of female labour participation in the region, matching that of more developed countries.

Given the government's mission to strengthen EIS by shifting the focus from protecting jobs to protecting workers, now is the perfect time to enhance maternity benefits and paid paternity leaves to encourage more women to join the workforce.

The reform is just the beginning, leading to more tactical measures like tailored training and employment services to ensure a smooth transition for women in career breaks for maternity leave and increase uptake of paid paternity leaves to support childcare emergencies.

More so, this could also be a start for addressing a wider array of vulnerabilities across the spectrum of women, including person with disabilities, ex-convicts and the elderly.

Existing ad-hoc labor market programmes operating under Perkeso Daya Kerjaya Program are already primed at targeting support to these marginalised groups, facilitating their entry into the workforce.

As we mark International Women's Day in March, it is timely that we commit to advancing policies and practices that not only enable women to participate fully in the workforce but also strengthen Malaysia's economic and social fabric. As the former managing director of IMF, Christine Lagarde phrased it well, "When women do better, economies do better".

Dr Mohammed Azman Aziz
Perkeso Group chief executive officer



TAJUK : 400 POOR FAMILIES IN KELANTAN RECEIVE FOOD AID

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

400 poor families in Kelantan receive food aid

PASIR MAS: Some 400 underprivileged families in Kelantan received food aid through the Regional Ramadan Relief 2024 programme.

Each of the food packs contained rice, sugar, flour, cooking oil, milk, canned food, among others. The gifts were from Islamic Aid Malaysia (IAM).

IAM president Zawahir Abdullah said the recipients included single mothers, orphans and disabled persons, Bernama reported.

He said Maybank Islamic has allocated funds totaling RM1.7mil for this year's efforts, with IAM entrusted to spearhead the programme.

"The Regional Ramadan Relief programme will extend its reach to 11 countries including Thailand, Bangladesh, Vietnam and Singapore, to provide assistance to 6,000 underprivileged families in

collaboration with Islamic Relief Malaysia, Mercy Malaysia and Yayasan Ikhlas," he told reporters after distributing donations to the group at the Kubang Panjang Mosque here yesterday.

In Kuala Lumpur, Deputy Entrepreneur Development and Cooperatives Minister Datuk R. Ramanan said 5,000 packets of bubur lambuk would be distributed at Ramadan bazaars, mosques and surau in Sungai Buloh throughout the fasting month.

The Sungai Buloh MP said he hoped the free food would enliven the Ramadan atmosphere in the constituency, as it has become a tradition and a special treat during iftar.

"Yesterday, I took the opportunity to personally distribute bubur lambuk to the people of Sungai Buloh, meeting them in the spirit of unity and togetherness.

"A total of 500 packets of bubur lambuk were distributed at Saujana Utama Ramadan Bazaar and another 250 packets at the mosques and surau around the area," he said in a statement yesterday.

Ramanan said he also had the opportunity to engage with traders and visitors and offer 'duit raya' to children.

He said besides distributing bubur lambuk, his service centre has also lined up various programmes for the local Muslim community including iftar sessions with asnaf, activities for the youth and orphans as well as zakat distribution programmes.

And he said he would continue donating his salary as an elected representative to the mosques in his constituency.

"This has been my commitment since being elected as an MP and I intend to do so for the duration of my tenure," he said.



TAJUK : SEKOLAH, POIS MESTI BEKERJASAMA ISU JENAYAH SEKSUAL

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sekolah, polis mesti bekerjasama isu jenayah seksual

Jelebu: Pentadbiran sekolah mesti bekerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membendung jenayah seksual di sekolah.

Selain itu, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga boleh memainkan peranan aktif menjadikan sekolah sebagai persekitaran yang selamat untuk pembelajaran.

Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES) berkata, penyediaan Garis Panduan Perlindungan Kanak-Kanak akan memudahkan guru menangani isu gangguan seksual dalam kalangan murid atau petugas di sekolah.

Setiausaha Agung KONGRES, Mohd Azizee Hasan, berkata Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan (KPM) mempunyai kuasa untuk membendung jenayah seksual terhadap kanak-kanak menerusi peraturan ketat dan tindakan tegas.

Katanya, KONGRES menyokong resolusi semua pihak dalam Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual kelmarin.

"Kami menyeru semua warga guru menyokong hasrat murni ini bagi memastikan keselamatan murid-murid terjaga dan terjamin.

"Kongres bersetuju agar semua guru diberi pengetahuan yang tepat terhadap isu ini, manakala guru kaunseling dan disiplin pula diberi latihan yang secukupnya untuk menangani kes-kes gangguan buli dan seksual," katanya semalam.

Mohd Azizee berkata, KONGRES mencadangkan beberapa perkara supaya isu perlindungan murid daripada eksploitasi seksual dibendung, antaranya memperkukuh penguatkuasaan undang-undang bagi melindungi kanak-kanak daripada eksplotasi seksual.

Beliau berkata, antaranya melalui penggabungan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 Pindaan 2023 yang sudah berkuat kuasa pada Jun 2023.

Selain itu, katanya, perlu ada pembabitian erat pegawai KPM, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JPM, PDRM, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

Mohd Azizee berkata, pegawai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan juga boleh membantu menangani isu berkenaan.



TAJUK :	'WORK TOGETHER TO PREVENT SEXUAL CRIME CASES INVOLVING CHILDREN'		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	18 MAC 2024	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

'Work together to prevent sexual crime cases involving children'

SHAH ALAM: Calls have intensified for sexual crimes involving children to be taken seriously and for the whole community to work together in helping young victims to overcome such traumatic incidents.

Speaking at the Convention to Protect Students from Sexual Exploitation, Dr Noor Raihan Kamal from the Health Ministry said victims who came to the clinic for sexual crime cases most of the time did not come directly claiming to be abused.

Noor Raihan said victims are usually first diagnosed with mental health issues and authorities only find out later that they are victims of sexual abuse after checking their history and background.

"At the Health Ministry, we have trained our medical officers, especially at the health clinic, to detect sexual abuse cases as those who came did not complain of abuse.

"Pain when peeing is one of the signs, followed by sexually transmitted diseases (STD) and teenage pregnancies. This is only detected at the health clinic and we have trained our officers to notice the signs," she said.

Noor Raihan shared that the Health Ministry has actively collaborated with the Education Ministry to advocate for parents and teachers to detect sexual abuse cases among children.

According to the Bukit Aman's Sexual, Women and Child Investigation Division's (D11) principal assistant director ACP Siti Kamsiah Hassan, the public usually avoid making a report as they are always concerned about lack of evidence.

She said another concern is that victims of sexual abuse become too emotional once a police report is made.

"We will investigate once we observe any element of crime. The police will never collude with individuals or officers who refuse to accept any report. Our next procedure is to record a statement from the victim and also the witnesses for us to bring justice to the victim," she said.

"So even during our investigation, we don't wear uniforms. But on a normal day, if we go to the scene, we will take care of the trauma of that child or the victim's family so that there is no speculation, because when it comes to sexual crime, it is a sensitive case."

Meanwhile, Social Welfare Department deputy director general (Operations) Wan Noraidah Wan Mohd Zain said the Kasih Hotline 15999 is always available for those who want to lodge a report regarding abuse involving children.

Addressing concerns from teachers in reporting sexual cases involving students, she assured that they would not be held liable as stated under Section 116 of the Children Act 2001.

"Don't feel scared to make a report as Section 116 of the Child Act 2001 assures protection to the informer who handed information to the authorities would not be held liable," she said.

Wan Noraidah, however, said more efforts can be made to protect children.

"Last year, the government announced the establishment of the Children Development Department on Sept 1 last year that will empower prevention

programmes.

"We started last year by starting the children's protection advocacy programme, and we targeted doing it in 300 schools this year," she said.

Law minister Datuk Seri Azalina Othman Said said the feeling of reluctance in lodging reports of sexual cases involving children remained one of the main challenges to the policymakers.

The Minister in the Prime Minister's Department said that survivors and others in the public are still worried that filing a report may instead backfire on them.


"The main challenge for us the policymakers together with the education minister and the teachers here today is when the people are scared to make a report," she said while launching the Convention to Protect Students from Sexual Exploitation, on Saturday.

Education Minister Fadhlina Sidek encouraged teachers not to feel scared in making reports on sexual crimes as they would not get in trouble for doing so.

The Nibong Tebal MP further said that the government is committed to increasing more counselling teachers intake in schools.

Fadhlina said the initiative was not solely due to the sexual crime cases, but also for cases related to mental health and discipline issues among students.

"We have also added more counselling teachers for the special needs students. This is an ongoing initiative to get more counselling teachers as there is a very high need in a variety of cases including cases like this," she added. — Malay Mail



TAJUK :	KES GANGGUAN SEKSUAL BABIT GURU, KAKITANGAN DENGAN PELAJAR HARUS DISIASAT DENGAN TELITI		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	18 MAC 2024	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Kes gangguan seksual babit guru, kakitangan dengan pelajar harus disiasat dengan teliti

KUCHING: Kesatuan Guru Sarawak (STU) mahu setiap laporan kes gangguan seksual membabitkan guru dan kakitangan sekolah dengan pelajar disiasat dengan teliti terlebih dahulu.

Presidennya Kullin Djayang berkata pihak terbabit perlu hadir berjumpa pihak sekolah untuk memastikan keadaan sebenar sebelum membuat sebarang tuduhan.

“STU bersetuju dengan kenyataan Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek), guru dan kakitangan sekolah yang didapati terbabit dengan jenayah seksual dalam kalangan pelajar akan dipecat.

“Namun begitu setiap laporan kes gangguan seksual yang dilaporkan harus disiasat dengan teliti. Kita tidak mahu ibu bapa hanya mendengar aduan daripada anak-anak tanpa mendengar penjelasan guru atau staf terbabit,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

“Biarlah kita mendengar penjelasan kedua-dua pihak untuk menentukan kesahihan tuduhan tersebut,” katanya.

Kullin menegaskan, STU tidak akan berkompromi sekiranya benar guru atau kakitangan sekolah melakukan gangguan seksual ke atas pelajar.

Dalam pada itu beliau mahu KPM menggariskan dengan jelas jenis tindakan yang diklasifikasikan sebagai gangguan seksual membabitkan guru dan kakitangan sekolah dengan pelajar.

Ini kerana ujarinya, beberapa tugas guru atau kakitangan sekolah berkaitan aktiviti bersama pelajar seperti ketika bersukan dan latihan seni tarian, kadangkala melibatkan sentuhan fizikal yang tidak dapat dielakkan.

“Dengan tegasnya juga kita

sebagai kesatuan guru menegaskan kepada semua ibu bapa agar tidak melakukan tuduhan tanpa bukti terhadap guru.

“Ini kerana tuduhan yang tidak berasas akan mengaibkan guru terbabit, oleh itu kita juga berhak mengambil tindakan saman malu terhadap mana-mana pihak yang membuat tuduhan secara melulu,” tegasnya.

Justeru ujarinya, semua perkara yang berlaku harus disiasat dan dibincangkan terlebih dahulu dengan pihak sekolah.


Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Fadhlina yang melancarkan amaran itu sambil menambah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dan berusaha memastikan sekolah menjadi tempat yang paling selamat kepada pelajar.

Media memetik Fadhlina sebagai berkata, terdapat peningkatan kes membabitkan gangguan seksual terhadap kanak-kanak ketika ini dan ia membimbangkan.

“Saya ingin menyampaikan amaran hari ini, jika terdapat sebarang kes jenayah seksual dalam institusi pendidikan ‘you touch, you go’ (guru atau pentadbir akan dipecat).

“Kita kena sampaikan amaran itu supaya mereka faham bahawa kita serius untuk memastikan kes-kes (jenayah seksual) ini tidak akan berlaku di sekolah kita,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada perasmian Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK) di Shah Alam, Selangor semalam.



TAJUK : 100 ANAK TYATIM DI KUCHING DAN SAMARAHAN TERIMA SUMBANGAN RAYA DARIPADA PUSAKA

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

100 anak yatim di Kuching dan Samarahan terima sumbangan raya daripada PUSAKA

KUCHING: Seramai 100 penerima berwajah ceria selepas menerima sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri berupa wang tunai dalam satu majlis yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) di sini kelmarin.

Penerima terdiri daripada anak-anak yatim melibatkan tiga pusat tahfiz serta lima sekolah rendah di sekitar bandar raya Kuching dan Samarahan.

Majlis penyerahan sumbangan itu disempurnakan oleh Timbalan Premier Sarawak merangkap Pengerusi Lembaga Pengurusan PUSAKA Datuk Amar

Awang Tengah Ali Hasan serta isteri, Dato Dayang Morlich Datuk Awang Daud di Hikmah Exchange Event Centre (HEEC), Kuching.

Terdahulu, majlis turut diserikan dengan majlis berbuka puasa, solat Maghrib, Isya dan solat sunat Tarawih secara berjemaah.

Seramai 800 kakitangan bersama ahli keluarga PUSAKA, anak-anak syarikat dan tetamu jemputan menyertai majlis terbabit.

Penganjuran majlis itu adalah bagi merapatkan hubungan silaturahim, selain merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) PUSAKA kepada masyarakat.


Hadir sama ialah Setiausaha



CERIA: Awang Tengah dan tetamu jemputan merakam kenangan bersama penerima sumbangan pada akhir majlis, malam kelmarin.

ha Kerajaan Sarawak Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki, Penasihat PUSAKA Datu Hashim Bojet;

Pengurus Besar PUSAKA Zainal Abidin Abdullah serta ahli-ahli Lembaga Pengurusan PUSAKA.



TAJUK :	SERAMAI 18 KELUARGA DI MIRI, BATU NIAH TERIMA BANTUAN TAJAAN YAYASAN KUOK		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	18 MAC 2024	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Seramai 18 keluarga di Miri, Batu Niah terima bantuan tajaan Yayasan Kuok

MIRI: Seramai 18 keluarga di kawasan Miri dan Batu Niah menerima bantuan makanan dan keperluan asas ditaja oleh Yayasan Kuok di sini.

Sumbangan tersebut disampaikan dengan bantuan daripada ahli-ahli Kelab Lions Lutong, Kelab Lions Batu Niah dan Kelab Lions Lambir.

Tiga Kelab Lions tersebut dalam satu kenyataan media bersama berkata, setiap bakul makanan dan keperluan asas itu adalah bernilai RM300 dan diserahkan kepada keluarga daripada kumpulan B40 terpilih.

“Bekalan bantuan ini termasuk beras, minyak masak, gula, tepung, serbuk pencuci, makanan kering, telur, makanan dalam tin, mi segera, minuman dibancuh, susu dan barangan keperluan harian.



KONGSI REZEKI: Kelab Lions menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian kepada salah seorang penerima di Miri kelmarin.

“Tujuan Yayasan Kuok adalah untuk mengurangkan jurang kemiskinan dengan menderma bekalan makanan kepada keluarga penerima.

“Ia juga memberi peluang kepada kumpulan kurang bernasib baik mengukuhkan kemandirian mereka melalui

pendidikan dan latihan serta menggalakkan semangat penyayang dan berkongsi,” kata kenyataan media tersebut.

Hadir sama Presiden Kelab Lions Lutong Dato Nguang Hing Teck, Presiden Kelab Lions Batu Niah Andy Jong dan ahli-ahli kelab lain.



TAJUK : MOTHER WHO ALLEGEDLY SLIT BABY'S THROAT REMANDED

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 05

tone : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mother who allegedly slit baby's throat remanded

JOHOR BAHRU: A mother has been remanded for seven days to assist investigations into the alleged murder of her 18-month-old son.

The remand, until March 23, was issued by Magistrate Suhaili Sapun at the Permai Hospital in Tampoi.

Earlier, it was reported the woman allegedly slit the throat of the toddler at a residential area in Pasir Gudang on Saturday.

Johor police chief Comm M. Kumar said the incident occurred at 1.30pm

and investigations found the 32-year-old woman also sent a photo of her child covered in blood to her husband via WhatsApp.

"A knife, believed to have been used to slit the throat of the victim, was also recovered."

He said the body of the victim was taken to the Sultan Ismail Hospital for an autopsy, adding that the case was being investigated under Section 302 of the Penal Code.

In another incident, Kumar said

five local men, aged between 35 and 48, have been detained to assist in investigations following a discovery of the body of a 61-year-old man.

He said the victim, with slash wounds across various parts of his body, was discovered at 10.50am in Taman Rinting, Masai on Saturday.

He added that the body was taken to the hospital for a post mortem and the case was being investigated under Section 302 of the Penal Code.

"Police also recovered several

belongings of the victim and collected samples at the scene for further investigation," he said, adding that all the suspects have criminal and drug records.

Meanwhile in Sungai Petani, an express bus driver died after a collision with a trailer at Km75.2 of the North-South Expressway in Gurun yesterday morning. Guar Chempedak Fire and Rescue station chief assistant fire superintendent Mohd Fauzi Razali said they received an emergency call

at 4am and a team arrived at the location at 4.19am.

He said the body of the 42-year-old male bus driver was found trapped in his seat.

"Five individuals escaped unhurt while a 29-year-old female passenger reportedly sustained minor injuries."

Mohd Fauzi said the fire was brought under control at 4.37am and the injured passenger was taken to the Pendang Hospital for treatment. - Bernama



TAJUK : BAYI MAUT DIKELAR IBU DI PASIR GUDANG

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi maut dikelar ibu di Pasir Gudang

Ibu bayi malang tersebut ditahan reman tujuh hari sehingga 23 Mac yang dikeluarkan oleh Majistret Suhaili Sapun di Hospital Permai, Tampoi

JOHOR BAHRU: Ibu kepada bayi lelaki berusia setahun enam bulan yang dipercayai maut akibat dikelar di sebuah kawasan perumahan di Pasir Gudang di sini, ditahan reman tujuh hari.

Perintah tahanan reman sehingga 23 Mac itu dikeluarkan oleh Majistret Suhaili Sapun di Hospital Permai, Tampoi, di sini.

Ketua Polis Johor CP M.Kumar berkata, dalam kejadian jam 1.30 petang kelmarin itu, wanita berusia

“Sebilah pisau yang dipercayai digunakan untuk mengelar mangsa turut dirampas di lokasi kejadian.”

CP M.Kumar
Ketua Polis Johor

32 tahun berkenaan turut menghantar gambar anaknya yang berlumuran darah kepada suaminya menerusi Whatsapp.

“Sebilah pisau yang dipercayai digunakan un-

tuk mengelar mangsa turut dirampas di lokasi kejadian,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk bedah siasat dan motif ke-

jadiannya masih dalam siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Orang ramai diharapkan tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan kes,” katanya dan menambah permohonan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah akan dilakukan hari ini (semalam).

Sementara itu dalam kes berlainan, beliau berkata pihaknya menahan lima lelaki berusia 35 hingga 48 tahun bagi membantu siasatan pe-

nemuan mayat seorang lelaki berusia 61 tahun.

Kesemua mereka katanya mempunyai rekod lampau membabitkan kesalahan jenayah dan dadah.

Beliau berkata, mayat mangsa ditemui pada jam 10.50 pagi di Taman Rinting, Masai dengan beberapa kesan luka tetakan pada tubuh.

Mayat dibawa ke HSI untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, katanya. — Bernama



TAJUK : WANITA BERUBAH SIKAP JADI LEBIH PENDIAM

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu kelar bayi lelaki

Wanita berubah sikap jadi lebih pendiam

Suami pernah
luah bimbang
tinggalkan
isteri untuk
keluar bekerja

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Wanita yang mengelar anak lelakinya berusia 18 bulan di Taman Cahaya Masai, di sini kelmarin dilihat berubah sikap sejak beberapa hari lalu.

Ahli keluarga mangsa yang enggan dikenali memberitahu,

wanita berusia 32 tahun itu dilihat lebih pendiam dan perubahan sikap itu disedari suami suspek beberapa hari sebelum kejadian.

“Kami terkejut dengan kejadian itu kerana hubungan mereka suami isteri normal, baik-baik sahaja. Setahu saya si isteri tak sakit.

“Mereka kerap pulang ke kampung halaman, hampir setiap minggu. Kali terakhir mereka pulang pada awal Ramadan, sempat menyambut puasa bersama.

“Cuma suaminya ada berita-hu isterinya menjadi pendiam beberapa hari sebelum kejadian, kurang bercakap.

“Si suami ada juga beritahu, dia risau nak tinggalkan isterinya untuk pergi kerja kerana malam

sebelum kejadian isterinya dilihat hanya diam,” katanya ketika ditemui di kediaman, di sini semalam.

Kanak-kanak aktif

Ahli keluarganya berkata, mangsa yang juga anak tunggal pasangan itu seorang kanak-kanak yang aktif.

“Mangsa baru pandai berjalan dan bercakap, memang tengah aktif bermain bersama sepupunya, terutama apabila mereka pulang ke kampung di Segamat,” katanya yang memaklumkan jenazah kanak-kanak itu akan dikebumikan di kampung ibunya di FELDA Redong, Segamat.


Keluarga kedua-dua pihak memaklumkan pasangan itu sudah lama kenal sejak di bangku seko-

lah sebelum mendirikan rumah tangga pada Disember 2021.

Terdahulu media melaporkan seorang wanita disyaki mengelar leher anak lelakinya sebelum menghantar gambar mangsa yang berlumuran darah kepada suami melalui kiriman WhatsApp, kelmarin.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar, berkata pihaknya menerima laporan kira-kira jam 1.30 tengah hari berhubung kes seorang bayi berusia setahun enam bulan maut dipercayai dikelar ibu kandung di sebuah kawasan perumahan dekat Pasir Gudang.

Susulan itu, beliau berkata, suspek warga tempatan berusia 32 tahun ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.



TAJUK : THEY LOOKED LIKE A HAPPY FAMILY

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 10

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'They looked like a happy family'

Neighbours in shock after mum allegedly slits her toddler's throat

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: The woman who allegedly murdered her one-year-old son by slitting his throat was seen acting oddly prior to the tragedy that struck the young family.

According to a relative who declined to be named, both the woman and her husband really loved their only child.

"The victim had just started learning to walk and could utter a few words. He was an active child and his presence made their married life more perfect.

"They have been married since December 2021, but they have known each other since their secondary school days," he said when met at the family's house in Taman Cahaya Masai here yesterday.

The relative added that the family was still in shock over what had happened to the 32-year-old woman and her son in the incident on Saturday.

"She and her husband really love one another and their relationship was normal. They would travel to their village in Segamat almost every weekend and would bring their son along.

"However, on their last trip home on the eve of Ramadan, the husband told me that his wife had been acting strange lately where she would just be quiet and keep things to herself," he said.

The relative added that the toddler's body would be brought back to the mother's village for burial.

Meanwhile, a neighbour who wanted to be known only as Siti claimed she saw the suspect sitting in front of her child's dead

body without any emotion.

"I was at home when one of our neighbours called out for me and told me to go to the suspect's house immediately. When I went inside the house, I saw the suspect sitting in front of her child's body, with so much blood on the floor.

"I tried calling out to her but she was in a daze and only stared without any emotion," said Siti, adding that the victim was also very close to her two young children.

Another neighbour, who wished to be known only as Ali, said both the suspect and her husband were very friendly with their neighbours.

He added that the family was very active in community activities in the neighbourhood such as gotong-royong or doing large cookouts.

"In the afternoon, both the suspect and her husband would bring their son out for a walk and they looked like a happy family.

"In fact, on Friday evening, they even gave out doughnuts to neighbours including myself for breaking fast. We are really puzzled by what has happened now," he said.

Johor police chief Comm M. Kumar said the mother had been placed under remand until March 23 to assist with the investigation classified under Section 302 of the Penal Code for murder.

"Police have also seized a knife at the scene allegedly used by the suspect to slit the victim's throat.


"Early investigations found that the suspect had sent a picture of the deceased covered in blood at his neck area to her husband via WhatsApp," he said.

Comm Kumar also said the

motive and cause of death were still being investigated and the public should refrain from making any speculations that could affect police investigations.

He urged those with information on the case to contact the Johor police hotline at 019-279 2095 or 07-221 2999.

Those suffering from mental health issues or contemplating suicide can reach out to the Mental Health Psychosocial Support Service (03-2935 9935 or 014-322 3392); Talian Kasih (15999 or 019-261 5999 on WhatsApp); Jakim's Family, Social and Community care centre (011-1959 8214 on WhatsApp); and Befrienders Kuala Lumpur (03-7627 2929, go to www.befrienders.org.my/centre-in-malaysia for a full list of numbers and operating hours, or email sam@befrienders.org).



TAJUK :	WOMAN REMANDED FOR ALLEGEDLY SLITTING NECK OF TODDLER SON		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	18 MAC 2024	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Woman remanded for allegedly slitting neck of toddler son

JOHOR BAHRU: A woman has been remanded for seven days to assist the investigation into the alleged murder of her 18-month-old son.

The remand order until March 23 was issued by magistrate

Suhaili Sapun at Permai Hospital, Tampoi here.

Earlier, it was reported that the toddler was believed to have been slit in the neck by his mother at a residential area in Pasir Gudang on Saturday.

Johor police chief CPM. Kumar said the incident occurred at 130pm, and preliminary investigations found that the 32-year-old woman also sent a photo of the child covered in blood to her husband via


WhatsApp.

"A knife believed to have been used to slit the victim's neck was also seized at the scene," he said in a statement.

He said the victim's body was taken to Sultan Ismail

Hospital for post-mortem, with police still investigating the motive behind the incident.

The case is being investigated under Section 302 of the Penal Code. — Bernama



TAJUK : MUM KILLS TODDLER SEND PHOTOS TO HUBBY

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'HARMONIOUS MARRIAGE'

MUM KILLS TODDLER, SENDS PHOTOS TO HUBBY

Family members say she became withdrawn in days leading up to incident

JASSMINE SHADIQE
AND OMAR AHMAD
JOHOR BARU
news@nst.com.my

POLICE arrested a 32-year-old woman who allegedly slashed her 18-month-old son's throat before sending pictures of the child to her husband.

Johor police chief Commissioner M. Kumar said police received a report at 1.30pm on Saturday on the killing that took place in a residential area in Pasir Gudang, here.

"We seized a knife at the scene believed to have been used to slash the victim (victim's throat). A remand application for the suspect was made today (yesterday)," he said.

"The motive and cause of death are under investigation."

He added that the victim's remains were sent to the Sultan Ismail Hospital's Forensic Department here for a post-mortem.

The woman's family members, who did not want to be named,



A woman allegedly slit the throat of her son, 18 months, at a home in this residential area in Pasir Gudang, Johor, on Saturday. PIC BY OMAR AHMAD

said she had started exhibiting a drastic change in behaviour before the incident.

They were in disbelief that the mother had allegedly murdered her son.

They said she had been distant with her husband and the rest of the family a few days before the alleged murder.

"She kept to herself and didn't talk much. She even avoided talking with her husband."

Her husband said their marriage was harmonious.

He said her silence and withdrawal were concerning, and that

he regretted not inquiring further.


"I asked her what was troubling her, and she said nothing. I just assumed that she was tired."

He described their son as a cheerful and active toddler.

"He had started taking a few steps and tried to say a few words."

The couple had known each other from schooling days before tying the knot in December 2021.

The family said the boy would be buried in his maternal grandmother's village in Felda Redong, Segamat.



TAJUK : GAMBAR BERDARAH BUAT SUAMI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 01&02

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

IBU KELAR BAYI SENDIRI

GAMBAR BERDARAH BUAT SUAMI

Seorang ibu sempat menghantar gambar bayinya berlumuran darah kepada suami melalui media sosial sebaik mengelar bayi lelakinya berusia 18 bulan hingga maut, kelmarin. Wanita itu dikatakan berubah sikap menjadi pendiam beberapa hari sebelum kejadian. *Lapor Umar Ahmad & Izz Laili Hussein.*



'Jiran saya baik, selalu tengok dia bawa anak jalan-jalan'

Pasir Gudang: Jiran saya seorang yang baik dan sering membawa anak tunggalnya berjalan-jalan pada waktu petang," kata jiran ke-

pada wanita yang mengelar leher bayi lelakinya di sebuah kawasan perumahan di sini, kelmarin. Wanita yang enggan dikenali itu berkata, dia mengetahui kejadian tragis itu selepas salah seorang jiran lain meminta pertolongan.

"Sewaktu sampai di depan rumah (suspek), saya nampak sekujur tubuh bayi berdarah di ruang tamu. Manakala ibunya pula duduk bersila dan terdiam di hadapan tubuh kecil itu.

"Saya terperanjat bila tiba di rumah itu dan beritahu suami mengenai kejadian yang berla-

ka. Tidak lama kemudian polis tiba," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, dia sudah lama mengenali jirannya itu yang disifatkan sebagai ibu yang baik dan ramah.

"Jiran saya (suspek) sering membawa anaknya (mangsa) berjalan-jalan di sekitar kawasan lorong rumah kami.

"Saya memang trauma selepas melihat tubuh bayi itu, masih terbayang-bayang, malam tadi (kelmarin) pun tidak dapat tidur," katanya.

Sementara itu, seorang jiran lain berkata, sehari sebelum kejadian tiga beranak terbit datang ke rumahnya untuk memberi donat sebagai juadah berbuka puasa.

"Mereka sekeluarga sempat beri donat kepada kami sekeluarga dan jiran-jiran yang lain. "Jiran saya itu 'okay' sahaja, bila jumpa dia akan tegur. Isterinya juga selalu dilihat membawa anaknya keluar berjalan-jalan," katanya yang memaklumkan tidak pernah melihat atau mendengar suara bayi menangis atau jirannya bertengkar di rumah terbabit.



DI LUAR WARAS SEORANG IBU

Wanita kelar anak lelaki 18 bulan sebelum hantar gambar mangsa berlumuran darah kepada suami

Oleh Izz Laili Hussein am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang ibu bukan sahaja tergagak mengelar leher anak lelakinya, malah turut menghantar gambar mangsa berlumuran darah kepada suaminya menerusi kiriman WhatsApp, kelmarin.

Ketua Polis Johor Komisioner M Kumar berkata, pihaknya menerima laporan kejadian seorang ibu mengelar bayinya berusia 18 bulan di sebuah taman perumahan di Pasir Gudang di sini.

Menurutnya, pihaknya berjaya menahan suspek berusia 32 tahun itu untuk siasatan lanjut.

"Kita turut merampas sebilah pisau di lokasi kejadian yang dipercayai digunakan untuk mengelar mangsa. Motif kejadian dan punca kematian masih dalam siasatan."

Mayat mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk bedah siasat, katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, suspek direman tujuh hari sehingga 23 Mac ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Kita turut merampas sebilah pisau di lokasi kejadian yang dipercayai digunakan untuk mengelar mangsa. Motif kejadian dan punca kematian masih dalam siasatan."



SEORANG bayi lelaki berusia 18 bulan maut dikerah ibu sendiri di sebuah taman perumahan di Pasir Gudang.

Suspek berubah sikap sebelum kejadian tragis

Pasir Gudang: Seorang wanita yang mengelar leher bayi lelakinya berusia 18 bulan di sebuah kawasan perumahan di sini didakwa berubah sikap sejak beberapa hari lalu.

Ahli keluarga mangsa yang enggan dikenali berkata, wanita berusia 32 tahun itu disedari bersikap lebih pendiam oleh suaminya beberapa hari sebelum kejadian tragis berlaku.

Menurutnya, seluruh ahli keluarga terkejut dengan kejadian itu kerana keadaan suami isteri ini memang normal, hubungan baik-baik sahaja. Si isteri juga setahu saya tiada sakit. Mereka kerap pulang ke kampung halaman, hampir setiap minggu.

dia risau untuk meninggalkan isterinya ketika pergi kerja disebabkan pada malam sebelum kejadian wanita terbabit dilihat hanya diam.


Katanya, mangsa yang juga anak tunggal adalah seorang yang aktif dan ceria.

"Mangsa baru pandai berjalan dan bercakap. Kali terakhir mereka pulang adalah pada awal Ramadan, sempat menyambut puasa bersama.

"Cuma suaminya ada beritahu isterinya menjadi pendiam beberapa hari sebelum kejadian, kurang bercakap," katanya ketika ditemui di kediaman keluarganya terbabit, di sini, semalam.

Menurutnya, suaminya juga memaklumkan

"Kami sendiri terkejut dengan kejadian itu kerana keadaan suami isteri ini memang normal, hubungan baik-baik sahaja. Si isteri juga setahu saya tiada sakit. Mereka kerap pulang ke kampung halaman, hampir setiap minggu"



Kelar bayi: Ibu direman 7 hari

Oleh Omar Ahmad - Mac 17, 2024 @ 3:29pm
bhnews@bh.com.my



JOHOR BAHRU: Ibu yang mengelar anaknya berusia setahun enam bulan semalam direman tujuh hari bermula hari ini.


Permohonan reman dikeluarkan Majistret, Suhaili Sapuan di Hospital Permai Johor Bahru hingga Sabtu depan (23 Mac) terhadap wanita itu berusia 32 tahun bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, suspek dibawa ke Hospital terbabit bagi tujuan pemeriksaan kesihatan.

Terdahulu, Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar dilaporkan berkata, seorang ibu dipercayai **mengelar bayi lelakinya** di rumah mereka di Pasir Gudang, pada jam 1.30 petang semalam.

Siasatan awal mendapati, wanita berkenaan telah menghantar gambar anaknya yang berlumuran darah pada leher melalui aplikasi WhatsApp kepada suaminya.

Polis turut merampas sebilah pisau di lokasi kejadian. Mayat mangsa dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini untuk bedah siasat. Setakat ini motif dan punca kejadian masih lagi dalam siasatan.



TAJUK :	MAN NABBED FOR ATTEMPTED CHILD ABUDCTION SENT TO PSYCH EVALUATION		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	18 MAC 2024	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man nabbed for attempted child abduction sent for psych evaluation

Galileo Petingi

KUCHING: A 30-year-old man was arrested by police following an attempt to abduct an eight-year-old girl outside her house here recently.

Kuching police chief ACP Ahsmon Bajah said a report on the alleged incident, which happened at a housing area near Kuching International Airport, was lodged at 6.55pm on March 11.

"The girl was playing outside her house when the incident happened. Acting on information from the public, police arrested the man at the scene and seized a sedan car used during the incident," he said in a statement.

Ahsmon said the case is being investigated under Section 365 the Penal Code which provides for imprisonment that may extend to seven years and also liable to a fine, upon conviction.

He said initial investigations found the suspect was a person

with learning difficulties who had been receiving treatment at Sarawak General Hospital since 2001 for attention deficit hyperactive disorder (ADHD).

A background check also found that the suspect did not have any prior criminal records, he added.


"On March 15 at 9am, the suspect was brought to court and charged under Section 365 of the Penal Code read together with Section 511 of the same Code.

"The court ordered the suspect to be detained at

Sentosa Hospital for psychiatric evaluation, and the case will be mentioned again on April 22 after medical reports are received," he said.

Ahsmon also extended his gratitude to the public for their swift action in apprehending the suspect, and reminded the public to remain vigilant and report any suspicious activities to the authorities.

It was learned that the father of the girl had posted about the incident on Facebook.



TAJUK :	PEMEGANG KAD OKU DIBERKAS KERANA CUBA LARIKAN KANAK-KANAK		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	18 MAC 2024	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Pemegang kad OKU diberkas kerana cuba larikan kanak-kanak

KUCHING: Seorang lelaki pemegang kad orang kurang upaya (OKU) diberkas kerana disyaki hendak melarikan seorang kanak-kanak di kawasan perumahan, Jalan Lapangan Terbang, di sini pada Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Ahsmon Bajah memberitahu, tangkapan itu dilakukan di kawasan perumahan tersebut sekitar jam 6.55 petang.

"Bertindak atas maklumat orang awam, pihak polis berjaya menangkap lelaki tempatan berusia 30 tahun dalam cubaan melarikan seorang kanak-kanak perempuan berusia 8 tahun yang ketika itu sedang bermain di kawasan luar rumahnya di Jalan Lapangan Terbang.

"Turut dirampas ketika tangkapan itu dilakukan ialah sebuah kenderaan yang digunakan suspek dalam kejadian tersebut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah Ahsmon, siasatan awal mendapati suspek merupakan pemegang kad OKU dengan masalah pembelajaran.

"Suspek telah menjalani rawatan di Hospital Umum Sarawak (HUS) sejak 2001 untuk 'attention deficit hyperactive disorder' (ADHD).

"Lelaki itu juga tidak mempunyai sebarang rekod lampau," jelasnya.

Ujarnya, kes disiasat di bawah Seksyen 356/511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melarikan orang yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Mengulas lanjut, suspek telah didakwa di Mahkamah Kuching di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 511 kanun yang sama pada 15 Mac lalu sekitar jam 9 pagi.

Katanya, mahkamah telah memerintahkan suspek ditahan di Hospital Sentosa, Kuching untuk penilaian psikiatri.

"Kes akan disebut semula pada 22 April 2024 setelah laporan perubatan diterima," jelasnya.



Pemegang kad OKU diberkas kerana cuba larikan budak

© 2024-03-17T18:13:43+08:00



KUCHING: Seorang lelaki pemegang kad orang kurang upaya (OKU) diberkas kerana disyaki hendak melarikan seorang kanak-kanak di kawasan perumahan, Jalan Lapangan Terbang, di sini pada Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Ahsmon Bajah memberitahu, tangkapan itu dilakukan di kawasan perumahan tersebut sekitar jam 6.55 petang.

"Bertindak atas maklumat orang awam, pihak polis berjaya menangkap lelaki tempatan berusia 30 tahun dalam cubaan melarikan seorang kanak-kanak perempuan berusia 8 tahun yang ketika itu sedang bermain di kawasan luar rumahnya di Jalan Lapangan Terbang.

"Turut dirampas ketika tangkapan itu dilakukan ialah sebuah kenderaan yang digunakan suspek dalam kejadian tersebut," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambah Ahsmon, siasatan awal mendapati suspek merupakan pemegang kad OKU dengan masalah pembelajaran.

"Suspek telah menjalani rawatan di Hospital Umum Sarawak (HUS) sejak 2001 untuk 'attention deficit hyperactive disorder' (ADHD).


"Lelaki itu juga tidak mempunyai sebarang rekod lampau," jelasnya.

Ujarnya, kes disiasat di bawah Seksyen 356/511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melarikan orang yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Mengulas lanjut, suspek telah didakwa di Mahkamah Kuching di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 511 kanun yang sama pada 15 Mac lalu sekitar jam 9 pagi.

Katanya, mahkamah telah memerintahkan suspek ditahan di Hospital Sentosa, Kuching untuk penilaian psikiatri.

"Kes akan disebut semula pada 22 April 2024 setelah laporan perubatan diterima," jelasnya.



TAJUK : PEGANG PAHA, DENDA RM3K

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 MAC 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA polis mengiringi Mohammad Sah di Mahkamah Majistret Batu Pahat.

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Seorang pekerja landskap mengaku salah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dakwaan mencabul kehormatan jemaah wanita di sebuah surau di Parit Raja di sini, awal bulan ini.

Tertuduh Mohammad Sah Taswat, 29, yang masih bujang membuat pengakuan selepas pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Nuraidah A Rahman.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja melakukan kekerasan jenayah dan berniat mencabul kehormatan jemaah berusia 29 tahun di ruang solat wanita pada 1.20 tengah hari, 8 Mac lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan

Pegang paha, denda RM3k

Pekerja landskap didapati bersalah cabul jemaah wanita di ruang solat sebuah surau

hingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Berdasarkan fakta kes, kejadian berlaku ketika mangsa berada di ruang solat wanita sebelum disapa oleh tertuduh.

Tertuduh kemudian menutup pintu dan duduk di sebelah mangsa sebelum bertindak memegang paha wanita itu.

Terkejut dengan tindakan tertuduh, mangsa melarikan diri bagi mendapatkan bantuan serta membuat laporan polis.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Siti Khalijah Khalid, manakala tertuduh diwakili Tan Song Yan daripada

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Terdahulu,

tertuduh menerusi peguamnya memilih hukuman denda minimum kerana perlu menanggung ibu bapanya.

Pihak pendakwaan memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran terhadap tindakan dilakukannya.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM3,000 selain memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara 12 bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

**Berdepan hukuman
penjara 12 bulan
jika gagal membayar
denda**

Lelaki didenda RM3,000 mengaku salah cabul jemaah wanita

Alias Abd Rani
am@metro.com.my



Batu Pahat: Pekerja landskap mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini atas pertuduhan mencabul kehormatan seorang jemaah wanita di sebuah surau di Parit Raja, di sini, awal bulan ini.

Tertuduh Mohammad Sah Taswat, 29, yang masih bujang membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan di hadapan Majistret Nurasidah A Rahman.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja melakukan kekerasan jenayah serta berniat untuk mencabul kehormatan seorang jemaah berusia 29 tahun di ruang solat wanita, pada 1.20 tengah hari, 8 Mac lalu.

Hukuman bagi pertuduhan mengikut seksyen terbabit ialah penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan ataupun dengan mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, kejadian berlaku ketika mangsa berada di ruang solat wanita sebelum disapa oleh tertuduh.

Tertuduh kemudian menutup pintu dan duduk di sebelah mangsa sebelum bertindak memegang paha wanita itu.

Terkejut dengan tindakan tertuduh, mangsa bertindak melarikan diri bagi mendapatkan bantuan serta membuat laporan polis.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Siti Khalijah Khalid, manakala tertuduh diwakili Tan Song Yan daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Terdahulu, tertuduh menerusi peguamnya memilih untuk hukuman denda minimum kerana perlu menanggung kedua ibu bapanya.

Bagaimanapun, pihak pendakwaan memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran terhadap tindakan dilakukannya.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM3,000 selain memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara 12 bulan jika gagal membayar denda berkenaan.



Mohammad Sah didenda RM3,000 selepas mengaku mencabul jemaah wanita di sebuah surau dekat Parit Raja, Batu Pahat. FOTO Alias Abd Rani